

08/01/1997

PM bidas kontraktor lewat bina sekolah (HL)

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memandang serius kelewatan siapnya projek-projek awam, terutama bangunan sekolah, hari ini membidas kontraktor terbabit kerana gagal menyiapkannya mengikut jadual sehingga membebankan rakyat.

Sambil menyatakan kesalnya kerana masih ada kontraktor gagal menyiapkan pembinaan sekolah mengikut jadual sedangkan sesi persekolahan sudah bermula kelmarin, Perdana Menteri mahu kontraktor berkenaan lebih serius dengan menyiapkan projek berdasarkan perjanjian mereka dengan kerajaan.

Menurutnya, kerajaan menghadapi masalah untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap kontraktor terbabit kerana langkah itu menyebabkan sesuatu projek tergendala lebih lama.

"Kerajaan pandang serius. Kita buat perjanjian dengan kontraktor dan ini menyebabkan kerajaan terikat. Jika tidak siap, ia mengambil masa yang cukup panjang dan rumit kerana kontraktor tuntutan itu dan ini.

"Kita boleh hentikan dia dan bawa ke mahkamah tetapi projek untuk kemudahan orang ramai akan tergendala. Kita harap kontraktor pandang serius masalah ini," katanya kepada pemberita selepas melawat projek The Mines Resort di sini, hari ini.

Akhbar semalam melaporkan kelewatan pembinaan sekolah baru di beberapa negeri menyebabkan pelajar menghadapi masalah apabila sesi persekolahan bermula Ahad lalu.

Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan pula masih menunggu laporan lengkap mengenai bangunan sekolah baru yang belum siap tetapi sudah mengambil pelajar bagi memulakan sesi persekolahan tahun ini.

Dr Mahathir bagaimanapun mengaku ramai kontraktor yang mampu menyiapkan projek lebih awal. Di Kuala Lumpur, misalnya, kebanyakan projek sudah dipercepatkan.

"Dulu Bank Bumiputra hanya dapat disiapkan dalam tempoh lapan tahun, Daya Bumi tiga tahun dan sekarang ada yang hanya setahun. Projek yang cepat disiapkan tidak bermakna mengabaikan kualiti kerana kualiti bukan cepat atau lambat sebaliknya tekanan ke arah itu," katanya.

Beliau berkata, kontraktor tempatan terutamanya Bumiputera perlu belajar cara pengurusan baik kerana ia menjamin projek perniagaan siap cepat.

Bila projek siap cepat, kontraktor dapat pulangan pelaburan dan jika projek mengambil masa panjang untuk siap, kontraktor dapat pulangan pelaburan dan jika projek mengambil masa panjang untuk siap, kontraktor perlu menanggung beban hutang bank yang perlu dibayar tanpa memperolehi sebarang pulangan.

Pengurusan baik penting kerana pembinaan sesuatu bangunan memerlukan kerja integrasi. Jika tidak projek itu tidak dapat dilaksanakan dalam jangka masa pendek yang ditetapkan.

"Lebih cepat sesuatu projek disiapkan, lebih cepat pelabur mendapat pulangan pelaburan termasuk membayar balik pinjaman bank," katanya.

Mengenai The Mines Resort, Dr Mahathir berkata, projek yang membabitkan perbelanjaan RM2 bilion itu diuruskan dengan baik sehingga sebahagian besar bangunannya disiapkan dalam tempoh 12 bulan.

"Saya fikir cara mengurus penting, bangunan perlu banyak kerja, kalau tak pandai integrasi tak boleh siap, dulu kita ambil masa buat bangunan yang tidak begitu tinggi, projek ini membabitkan tujuh bangunan dan siap dalam masa satu tahun.

"Kita tidak mahu ada short cut yang boleh mendatangkan bahaya tetapi

jika pengurusan baik, kita tidak khawatir," katanya.

Projek di tapak bekas lombong itu antara lain membabitkan pembinaan Palace Of The Golden Horses; The Mines Waterfront Business Park; dan The Mines Beach Resort.

(END)